

TRUMP Iwn BIDEN

Pada 3 November ini, pengundi di Amerika akan menentukan sama ada calon Republikan Encik Donald Trump boleh terus kekal di Rumah Putih bagi empat tahun akan datang. Pencabarnya ialah calon Demokrat Encik Joe Biden, yang dikenali sebagai naib presiden kepada Barack Obama.


Trump 125*

216* Biden

270 undi badan perwakilan untuk menang

*Berdasarkan tinjauan nasional sehingga 30 Oktober

Bilangan undi badan perwakilan yang diperlukan bagi setiap negeri



Nota: Maine dan Nebraska memperuntuk undi badan perwakilan mengikut kadar pengundi

Mengapa Pilihan Raya Presiden Amerika penting?

Presiden Amerika boleh mempengaruhi kehidupan jutaan orang di serata dunia. Justeru kesudahan pilihan raya ini penting bagi semua pihak.

Adakah pilihan raya ini untuk memilih presiden sahaja?

Tidak. Meskipun perhatian tertumpu kepada Encik Trump dan Encik Biden, pengundi juga memilih anggota Kongres yang baru.

Parti Demokrat kini menguasai Dewan Perwakilan dan ia berharap dapat mengekalkan kuasa, sementara merampas kuasa dari parti Republikan dalam Senat.

Jika Dewan Perwakilan dan Senat dikuasai parti tunggal, parti itu boleh mengadang rancangan presiden (terutama jika presiden itu bukan dari parti tersebut).

Semua 435 kerusi di Dewan Perwakilan dipertandingkan, bersama 33 kerusi Senat.



Dua parti, dua calon

Parti Republikan ialah parti politik konservatif dan calon mereka kali ini ialah Presiden Donald Trump.

Parti Demokrat ialah parti politik liberal dan calon mereka Encik Joe Biden.

Kedua-dua calon berusia 70-an tahun. Encik Trump berusia 74 tahun jika dipilih bagi penggal kedua dan Encik Biden, pada usia 78 tahun boleh menjadi presiden penggal pertama tertua dalam sejarah.

Bila keputusan?

Tempoh beberapa hari diperlukan untuk menghitung setiap undi, tetapi biasanya, pemenang pilihan raya ini adalah jelas pada hari selanjutnya.

Pada 2016, Encik Trump memberikan ucapan kemenangan sekitar 3 pagi di New York. Namun keadaan mungkin berbeza tahun ini, kerana pegawai pilihan raya berkata bilangan undi lebih banyak yang dijangka dihantar melalui pos akan melengahkan proses menghitung undi.

Kali terakhir keputusan pilihan raya presiden tidak diketahui selang beberapa jam adalah pada 2000, apabila Mahkamah Agung membuat keputusan selang sebulan Hari Mengundi.

Calon yang dapat paling banyak undi akan menang? (Tidak semudah itu)

Kedua-dua calon bersaing untuk memenangi undi 'electoral college' atau badan perwakilan pemilih.

Setiap negeri diperlukan bilangan undi badan perwakilan pemilih tertentu berdasarkan bilangan penduduknya. Ada 538 undi semuanya dan calon yang mendapat sekurang-kurangnya 270 undi ini memenangi pilihan raya.

Sebuah negeri kecuali dua, mempunyai peraturan yang memberikan calon dengan jumlah undi tertinggi kesemuanya undi badan perwakilan pemilih. Ini bermakna undi di negeri tertentu lebih berpengaruh dan negeri-negeri ini digelar 'negeri medan pertempuran'.

Ini juga bermakna calon yang memenangi paling banyak undi di peringkat nasional - seperti Cik Hillary Clinton pada 2016 - tidak semestinya menjadi presiden jika beliau tidak mendapat sekurang-kurangnya 270 undi badan perwakilan pemilih.

Sumber: REALCLEARPOLITICS, BH
GRAFIK BERITA MINGGU:
HYRIE RAHMAT, CEL GULAPA